

Najib serah RM3 juta untuk bina masjid baru
Utusan Online
05 Mei, 2012

GUA MUSANG 4 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dalam lawatan sehari ke negeri ini hari ini menyerahkan replika cek bernilai RM3 juta untuk membina masjid baru bagi menggantikan Masjid Razaleigh Mukim Bandar Lama di sini.

Cek tersebut diserahkan oleh beliau kepada imam masjid tersebut, Mat Razali Mat Yunus yang mewakili ahli jawatankuasa masjid berkenaan sebelum menunaikan solat Jumaat bersama 3,000 jemaah.

Dalam ucapan ringkasnya pada majlis itu, Najib berkata, peruntukan itu adalah untuk membina masjid baru bagi menggantikan Masjid Razaleigh yang tidak dapat menampung jumlah jemaah yang semakin bertambah.

Masjid Razaleigh dibina pada 1970-an dan yang tertua di daerah ini.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Karnival Komuniti 1Malaysia di padang Pusat Sivik Gua Musang di sini pagi ini.

Najib yang tiba kira-kira pukul 9.45 pagi ini disambut meriah dengan persembahan kumpulan kebudayaan negeri ini.

Pada majlis tersebut, Najib turut mengumumkan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama Astro akan memberikan 1,000 unit dekoder televisyen satelit.

Beliau berkata, sebanyak 600 set akan diagihkan kepada penduduk di daerah ini manakala 400 lagi di kawasan berhampiran.

"Pengagihan set ini adalah untuk memberi peluang kepada penduduk mendapat siaran televisyen yang lebih baik," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm